

## ELEMEN PENGETAHUAN PENSYARAH CEMERLANG UNIT PENDIDIKAN ISLAM DAN MORAL DI POLITEKNIK PREMIER: SATU KAJIAN RINTIS

Ahmad Firdaus Mohd Noor [1], Kamarul Azmi Jasmi [2], Khairunnisa A Shukor [3]

### ABSTRACT

This paper is aimed at discussing the type of knowledge acquired by Outstanding Lecturers of Islamic Education (PCPI) in premier polytechnics. This pilot study involved interviews with a PCPI in one of the premier polytechnics. Interviews were then analyzed through N'Vivo version 7.0 to produce themes and matrix tables related to the types of knowledge implemented during teaching and learning (T&L) both inside and outside classroom. The findings show that several types of knowledge that can be practiced during the T&L in polytechnics, such as the concept of knowledge, content knowledge, pedagogical knowledge, pedagogical content knowledge, knowledge on polytechnic's learning goal, basic knowledge about students' program, psychological knowledge and knowledge on current issues.

**Keywords:** Knowledge, Outstanding Lecturer of Islamic Education, Polytechnics

[1] Universiti Teknologi Malaysia  
aqili\_firni83@yahoo.com.my

[2] Universiti Teknologi Malaysia  
qamar@utm.my

[3] Universiti Teknologi Malaysia  
nisafirni83@gmail.com

### INTRODUCTION

Sistem pendidikan teknikal hari ini telah berkembang pesat seiring dengan kemajuan pembangunan sektor industri negara. Salah satu daripadanya adalah penubuhan institusi pendidikan politeknik yang telah melonjakkan imej pendidikan politeknik ke peringkat yang lebih tinggi. Pelbagai pembaharuan dan transformasi dilakukan kerajaan melalui Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Transformasi yang dilancarkan berteraskan pemerkasaan politeknik, pembangunan program dalam bidang tujuan tertentu, tenaga pengajar dan kakitangan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, serta mempunyai imej dan budaya cemerlang (Jabatan Pengajian Politeknik, 2009). Hala Tuju Transformasi Politeknik telah mengukuhkan lagi peranan Politeknik dalam bidang pendidikan dan latihan. Berikut adalah empat teras yang terkandung dalam Hala Tuju Transformasi Politeknik (Jabatan Pengajian Politeknik, 2012), iaitu (1) Memperkasa politeknik ke arah menjadi pilihan yang setanding dengan universiti awam yang lain. (2) Membangunkan program pengajian dan penyelidikan dalam bidang tujuan yang bertunjangkan kekuatan di setiap politeknik. (3) Memperkasa warga politeknik dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi. (4) Membina imej bereputasi tinggi dan budaya kerja cemerlang.

Keempat-empat teras tersebut adalah pemangkin kepada pencapaian objektif transformasi politeknik (Jabatan Pengajian Politeknik, 2009). Pada teras yang ketiga dan keempat pula, teras yang menjurus kepada kecemerlangan pensyarah politeknik termasuklah Pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral khusus dalam aspek pengetahuan. Artikel ini akan membincangkan dapatan satu kajian rintis mengenai elemen pengetahuan yang dimiliki oleh Pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral di sebuah politeknik premier.

## ELEMEN PENGETAHUAN DALAM KECEMERLANGAN PENSYARAH POLITEKNIK

Kewajipan menuntut ilmu berkait rapat dengan usaha menegakkan syariah Islam dan sebagai penyuluhan kepada kehidupan manusia di dunia dan akhirat (Rohana Hamzah, 2010; Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim, 2012). Usaha tersebut adalah kerja yang perlu dilakukan oleh semua lapisan masyarakat bagi memantapkan ilmu, apatah lagi menuntut ilmu merupakan tugas sepanjang hayat (Ismail Abbas, 2007; Nor Raudah Siren & Ab Aziz Mohd Zin, 2007) dan penguasaan serta pemahaman kepada ilmu akan membina hubungan yang dekat dengan Allah S.W.T. (Rohana Hamzah, 2010). Hal ini bertepatan dengan impian murni kerajaan untuk membangunkan tenaga pengajar yang kompeten bagi membina persepsi positif dalam kalangan masyarakat terhadap pendidikan politeknik (Jabatan Pengajian Politeknik, 2009). Justeru, Pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral politeknik tidak terkecuali dalam menyahut seruan untuk meningkatkan pengetahuan ini. Konsep pembelajaran sepanjang hayat harus diterapkan kepada para pendidik supaya ada peningkatan ilmu dalam diri mereka (Sapie Sabilan et al., 2011). Oleh itu, setiap pendidik juga harus sentiasa dilengkapkan dengan ilmu serta teori terkini berkaitan perkembangan remaja lelaki dan perempuan serta permasalahan mereka (Rohani Arbaa et al., 2010). Dengan sedemikian tugas pendidik dipermudahkan kerana memahami perkembangan anak didik mereka.

Ilmu pengetahuan diakui menjadi sesuatu yang penting bagi diri seorang pendidik. Aspek pengetahuan telah disebut sebagai salah satu kriteria kecemerlangan bagi seorang pendidik oleh ramai sarjana (Abdull Sukor Shaari, 2010; al-Ghazali, t.t.; Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Kane et al., 2004; Khadijah Abdul Razak & Tengku Norhayati Tengku Othman, 2011; Rafizah Mohamed Salleh, 2011; Wood & Harding, 2007). Keilmuan dan pengetahuan yang dimiliki oleh setiap pendidik membolehkan mereka memberikan penjelasan mengenai sesuatu perkara dengan lebih baik di samping lebih bersedia menjawab persoalan daripada pelajar (Abdull Sukor Shaari, 2010). Menurut Khadijah Abdul Razak dan Tengku Norhayati Tengku Othman (2011) seseorang guru yang memperoleh pengetahuan dalam bidang pendidikan adalah guru yang bertauliah, iaitu layak menjadi seorang guru dalam erti kata yang sebenar. Guru ini akan melengkapkan diri dengan pelbagai jenis ilmu pengetahuan seperti ilmu psikologi kanak-kanak, ilmu kaedah mengajar, ilmu mengenai kurikulum dan sebagainya. Guru yang melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan ikhtisas ini adalah guru yang telah memperoleh kualiti profesional dalam konteks pendidikan. Kebijaksanaan dan profesionalisme guru dalam menginterpretasikan ilmu akan menghasilkan pendidikan yang berkesan (Abdull Sukor Shaari, 2010), bermutu dan lebih efektif serta mampu menghasilkan budi pekerti yang baik dan akhlak mulia (Ismail Abbas, 2007).

Hala tuju transformasi politeknik juga sejajar dengan Teras Kedua Misi Nasional iaitu Meningkatkan Keupayaan Pengetahuan dan Inovasi Serta Memupuk ‘Minda Kelas Pertama’ (Jabatan Pengajian Politeknik, 2009). Sewajarnya para pensyarah politeknik termasuk pensyarah Pendidikan Islam politeknik berusaha meningkatkan pengetahuan mereka bagi memenuhi tuntutan transformasi ini. Selain itu, bagi merealisasikan hasrat dan matlamat pendidikan negara pula, adalah penting institusi-institusi pendidikan melahirkan bakal guru yang berpengetahuan, berketrampilan, memiliki keupayaan untuk berfikir dalam menyelesaikan masalah serta memiliki kecerdasan emosi dalam membuat keputusan (Rafiza Abdul Razak & Siti Zarina Syed Nordin, 2013). Jelaslah di sini, elemen pengetahuan merupakan teras kecemerlangan yang dituntut negara dalam mencapai apa jua hasrat kerajaan. Untuk menjadi seorang pendidik yang berkesan pendidik itu perlu berkemampuan dalam menggunakan kepelbagaian jenis pengetahuan yang dimiliki bagi melaksanakan P&P (Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010; Abdull Sukor Shaari, 2010). Pendidik boleh menggunakan pengetahuan terhadap mata pelajaran yang diajar, kurikulum, pelajar, matlamat pendidikan, isi kandungan lain, pedagogi umum dan pedagogi isi kandungan mata pelajaran. Pengetahuan terhadap isi kandungan mata pelajaran memberikan kefahaman kepada guru terhadap konsep dan fakta dalam domain yang lebih khusus, manakala pedagogi umum lebih kepada strategi dan prinsip pengurusan, pengajaran dan organisasi yang digunakan bagi memindahkan maklumat dan pengetahuan mengenai isi kandungan mata pelajaran (Abdull Sukor Shaari, 2010). Selain itu, kelebihan memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi, bahkan kreatif dan inovatif akan menjadikan sistem P&P seorang pendidik itu lebih menarik, efektif, dan menyeronokkan (Rafiza Abdul Razak & Siti Zarina Syed Nordin, 2013).

## PERNYATAAN MASALAH

Bagi usaha memperkuatkan keupayaan dan kewibawaan kualiti tenaga akademik yang cemerlang di politeknik, pelbagai persoalan dan tuntutan perlu diselesaikan. Tuntutan ajaran agama yang mengkehendaki ummatnya berlumba-lumba ke arah kebaikan, ancaman sekularisme yang melanda, serangan globalisasi, kemelut gejala sosial dan krisis keperibadian pelajar yang bercelaruh menjadikan begitu pentingnya keperluan pensyarah Pendidikan Islam yang cemerlang merealisasi dan menjadi tonik mujarab dalam merawat penyakit ini. Tambahan pula permasalahan ini bukan sahaja sudah menjadi beban bahkan tugas hakiki yang begitu mencabar dengan keutamaan sebagai pendidik mendesak agar proses P&P yang direncanakan dalam keadaan yang bermutu dan berkesan. Hal ini memerlukan kewujudan seorang pendidik yang cemerlang seperti yang dinyatakan Nur Hafizoh Idris dan Rohana Hamzah (2013), "guru berkualiti mampu melahirkan insan berkualiti".

Merujuk kepada persediaan sebagai seorang pendidik, setiap pendidik itu perlulah bersedia menjalankan amanah dan tugasnya di mana-mana sahaja dan dalam apa jua keadaan. Namun, kajian Siti Zohara Yassin (2006) mendapati terdapat pendidik yang tidak bersedia apabila ditugaskan mengajar mata pelajaran yang bukan opsyen dan mengajar kelas peperiksaan. Malah mereka tidak mempunyai pengetahuan dan tidak berminat apabila ditugaskan mengajar mata pelajaran tersebut. Kemasukan pendidik yang tidak mempunyai ketrampilan, kekurangan ilmu (Mohd Sahandri Gani et al., 2010) dan pengalaman, tidak minat serta hanya mencebur ke dalam pendidikan sebagai pilihan kedua dan eskapisme daripada masalah pengangguran menyebabkan tercalarnya profesionalisme profesion ini (Sapie Sabilan et al., 2011) dan ini menunjukkan mereka yang bergelar pendidik masih lagi bermasalah dengan minat dan persediaan mereka tentang profesi perguruan. Dapatkan tersebut juga merungkai dan mengukuhkan kajian elemen pengetahuan yang lebih besar yang dijalankan oleh Napisah Humni et al. (2004) terhadap guru pelatih di sebuah Maktab Perguruan menjadi punca permasalahan di mana pengetahuan, pengamalan dan penghayatan agama masih rendah terutama bab solat dan membaca al-Quran. Walaupun kajian tersebut dijalankan terhadap guru pelatih, implikasinya membawa imej yang buruk. Ini kerana guru-guru pelatih kelak akan diserap berkhidmat sama ada di sekolah-sekolah mahupun di politeknik-politeknik mengikut opsyen masing-masing. Menurut Ahmad Munawar Ismail dan Zakaria Stapa (2011), terdapat individu yang memilih pendidik sebagai kerjaya hidup tetapi malangnya tidak mengetahui akan syarat dan kriteria yang berkaitan kerjaya pendidik. Perkara seperti inilah yang menyebabkan masalah guru yang tidak menepati waktu dan tidak sanggup bekerja di luar tugas rasmi (Ariffin Mamat et al., 2011).

Permasalahan pensyarah yang berdepan situasi pelajar tidak meminati mata pelajaran Pendidikan Islam sering menghantui pemikiran pendidik termasuklah penggubal kurikulum. Senario di politeknik, setiap kurikulum itu digubal oleh ahli panel kurikulum yang terdiri daripada para pensyarah politeknik sendiri. Namun realiti yang berlaku kurikulum Pendidikan Islam di politeknik, sering berlaku perubahan demi perubahan sama ada penambahan atau pengurangan dalam sukatan kursus pengajaran. Azizi Yahaya et al. (2010) menjelaskan perubahan kepada kurikulum baru menuntut setiap pendidik bukan sahaja berkemahiran untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar, sebaliknya ia dapat melatih perkembangan diri pelajar secara seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sahsiah. Seharusnya penggubal kurikulum yang terdiri daripada para pensyarah itu sendiri mempunyai pengetahuan penuh terhadap matlamat, visi, dan misi politeknik selain perlu mempunyai pengetahuan tentang keperluan pelajar khususnya pelajar di peringkat politeknik. Maka, perubahan kurikulum yang menjadi punca kegagalan minat dalam kalangan pelajar boleh diatasi dengan persiapan pengetahuan oleh para Pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral politeknik sebelum melakukan sebarang perubahan.

## OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk menentukan jenis pengetahuan yang dimiliki oleh Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral (PCPI) politeknik di dalam dan di luar kelas. Oleh itu, persoalan kajian ini ialah apakah jenis pengetahuan yang dimiliki oleh Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral politeknik di dalam dan di luar kelas?

## METODOLOGI KAJIAN

Bagi memenuhi objektif dan menjawab persoalan kajian rintis ini, pengkaji memilih kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Teknik utama yang digunakan pengkaji untuk mengumpul data adalah teknik temu bual separa berstruktur sebagai mana yang dicadangkan oleh beberapa pengkaji (Ananda Kumar, 2009; Cresswell, 2012; Fatimah Saleh & Lim Chap Sam, 2010; Sabitha Marican, 2009).

Kajian rintis ini memilih seorang peserta untuk ditemu bual bagi menentukan apakah terdapat keselarasan antara jawapan terhadap soalan yang dikaji oleh pengkaji dengan objektif yang dibina. Peserta yang dipilih adalah seorang Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral di salah sebuah Politeknik Premier, iaitu di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak. Ciri-ciri pensyarah yang dipilih adalah: (1) berpengalaman mengajar lebih lapan tahun, (2) mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya di peringkat sarjana, (3) menerima kenaikan pangkat melalui proses penilaian kriteria kecemerlangan pensyarah politeknik, (4) menjawat gred jawatan sekurang-kurangnya DH 44, (5) pemilihan dibuat oleh Ketua Unit Pendidikan Islam & Moral, (6) memperoleh Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Hasil proses temu bual ini akan ditranskripkan menjadi data naratif dan diurus tadbir data tersebut untuk memperoleh tema daptan kajian dengan menggunakan perisian program N'Vivo 7.0.

## DAPATAN KAJIAN

Penyelidik telah mendapatkan tema kajian dan mendapati bahawa Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral di politeknik telah memiliki beberapa jenis pengetahuan dalam P&P dan di luar P&P. Dapatan data adalah seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1** Elemen Pengetahuan Yang Dimiliki Dalam P&P dan Di luar P&P Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral di Politeknik

Tema	Kod
Konsep pengetahuan	Dekat dengan tuhan Banyakkan membaca Bukan untuk menunjuk Menjadi lebih berilmu dari pelajar
Pengetahuan isi kandungan	Fiqh Akidah Akhlik
Pengetahuan pedagogi	Membuat persediaan mengajar Kemahiran mengajar Penggunaan OBE Pengawalan kelas
Pengetahuan pedagogi isi kandungan	Menggunakan analogi, contoh, dan penerangan Mengenal latar belakang pelajar Memahami ciri pelajar Mengutamakan tujuan pengajaran
Pengetahuan matlamat pendidikan politeknik	Melaksanakan perancangan JPP dari segi P&P Menyokong agenda transformasi

Pengetahuan asas bidang pelajar

Bidang yang diambil pelajar

Penerapan Islam dalam bidang pelajar

Pengetahuan psikologi

Mendengar luahan pelajar  
mengawal situasi  
mampu menasihati secara berkesan

Pengetahuan isu semasa

Isu terkini umum  
Isu terkini umat Islam

Berdasarkan Jadual 1, dapatan menunjukkan Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral di politeknik memiliki pelbagai jenis pengetahuan. Pengetahuan tersebut dimulakan dengan memahami konsep pengetahuan dan seterusnya mengaplikasikan pengetahuan yang dimiliki seperti pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan pedagogi isi kandungan, pengetahuan matlamat pendidikan politeknik, pengetahuan asas bidang pelajar, pengetahuan psikologi, dan pengetahuan isu semasa.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Bagi membincangkan elemen pengetahuan yang diperlukan oleh Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral di politeknik terbahagi kepada beberapa jenis elemen. Elemen pertama yang dimiliki oleh pensyarah cemerlang (PC) ini adalah memahami konsep pengetahuan. Aspek konsep pengetahuan yang dimaksudkan ialah ilmu yang disampaikan itu akan membawa seseorang dekat kepada tuhan, bukan untuk menunjuk, dan supaya menjadi lebih berilmu daripada pelajar. Pernyataan ini diterangkan dengan kata-kata berikut, "*takwanya seorang guru itu apabila apa sahaja yang dia ajar, dikaitkan dengan Allah S.W.T. Itulah...*". Selain itu, PC menyatakan konsep kepada pengetahuan adalah dengan banyak membaca. Menurut Yahya Othman dan Wan Mat Sulaiman (2011), dalam bidang pendidikan, amalan membaca adalah faktor penting kepada keupayaan untuk berjaya. Perkara ini dibuktikan dalam kajian mereka mengenai tahap minat membaca dalam kalangan guru berada pada tahap yang tinggi.

Elemen pengetahuan kedua yang dimiliki oleh Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral ialah pengetahuan isi kandungan. Melalui pengetahuan ini PC di politeknik amat perlu menguasai ilmu Pendidikan Islam khususnya ilmu fiqh, ilmu akidah, dan ilmu akhlak. Hal ini merujuk kata-kata PCPI iaitu, "*Itulah yang macam sebut tadi terutamanya bab fiqahla, keilmuan fiqahkan... walaupun kadang-kadang dalam Pendidikan Islamtu sebenarnya kita banyak lagi bab... akidah, bab akhlak, tapi pelajar sebenarnya banyak bab fiqah, nak tak nak, memang kita kena menguasai, kena membacalakan, ilmu fiqah, fiqah memang persoalan... persoalan yang berlegar dalam fikiran pelajar-pelajar kita. Jadi nak tak nak, ilmu fiqah...*". Pernyataan ini telah ditegaskan oleh Wan Bakar Wan Dagang (1991) bahawa guru Pendidikan Islam seharusnya meningkatkan ilmu pengetahuan supaya boleh menimbulkan minat dan memberikan penghayatan pelajar terhadap agama. Maka pengetahuan isi kandungan ini adalah kunci kepada kompetensi guru yang mempengaruhi kemajuan pelajar (Kleickmann et al., 2013).

Elemen pengetahuan yang ketiga adalah pengetahuan pedagogi. Menurut König et al. (2011), pengetahuan pedagogi merupakan komponen utama dalam latihan perguruan selain daripada pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi isi kandungan. Walau bagaimanapun, pengetahuan ini kurang diberi penekanan. Hasil dapatan kajian beliau membuktikan terdapat empat topik pengetahuan pedagogi yang berbeza, iaitu struktur (*structure*), penyesuaian (*adaptivity*), pengurusan kelas atau motivasi (*classroom management/motivation*), dan penilaian (*assessment*) serta terdapat tiga proses kognitif, iaitu mengingat semula (*recall*), memahami atau menganalisa (*understand/analyze*), dan menjana (*generate*). Berdasarkan pengetahuan ini, PC juga sentiasa melaksanakan amalan pengetahuan ini seperti melakukan persediaan mengajar, mengetahui pelbagai kemahiran mengajar, mahir dalam penggunaan *Outcome-based education (OBE)*, serta mampu mengawal kelas dengan baik. Hal ini dinyatakan oleh PC dalam kata-katanya, "*kemudiannya nak jadi guru Pendidikan Islamni, selain daripada ilmu agamatu kita spesifik ilmu agama, kena ada ilmu pengajaran, ilmu mengajar...*".

Pengetahuan pedagogi isi kandungan adalah elemen keempat pengetahuan yang dimiliki oleh Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral politeknik. Pensyarah yang memiliki pengetahuan

pedagogi isi kandungan akan berupaya menjadikan pengajaran lebih mudah difahami dan menarik (Abdull Sukor Shaari, 2010). Hasil dapatan temu bual, PC yang memiliki pengetahuan ini berupaya menggunakan analogi, contoh, dan penerangan, mengenal latar belakang pelajar, memahami ciri pelajar, serta mengutamakan tujuan pengajaran.

Menurut PC yang ditemu bual:

*“Sampai sekarang sebelum masuk kelas saya akan baca dulu, tapi tak semua apa yang ada dalam lesson plan tu saya ikut dan ada yang saya tambah lagi. Tapi kadang-kadang tak tau dari mana-mana datang, kadang-kadang kita tak rancang untuk buat perdebatan antara pelajar, tiba-tiba datang idea tengah-tengah tu saya nak cancel apa yang saya rancang, dari saya buat kuiz lebih baik saya buat dalam bentuk debat ke, dalam bentuk kumpulan soal kumpulan ni ke, macam saya sebut tadi, rancang memang rancang tapi biasanya berubah”.*

Oleh itu, PC yang memiliki pengetahuan pedagogi isi kandungan ini mampu memberi kesan kepada kemajuan pelajar (Kleickmann et al., 2013).

Berikutnya pengetahuan matlamat pendidikan politeknik. Pengetahuan matlamat politeknik bermaksud PC melaksanakan perancangan Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) dari segi P&P dan menyokong agenda transformasi yang dijalankan. Menurut Jabatan Pengajian Politeknik (2009), komitmen dan sokongan daripada semua warga politeknik dan kerajaan berupaya membantu negara merealisasikan hasrat untuk mencapai matlamat negara maju menjelang tahun 2020. Hasilnya pada 21 Mei 2014 terdapat tiga politeknik telah dianugerahkan akreditasi oleh Suruhanjaya Pensijilan dan Akreditasi Asia Pasifik (APACC) yang telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Mary Yap Kain Ching di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang (Bernama, 2014). Hal ini telah dinyatakan oleh PC dalam temu bual yang dijalankan, *“selain itu, bagi saya memahami apa matlamat pendidikan politeknik merupakan perkara penting bagi PC supaya dapat melahirkan pelajar yang akan menjadi tenaga kerja kepada negara di samping ada integriti yang tinggi dalam kerja yang dilakukan”*.

Seterusnya, Pengetahuan atas bidang pelajar. Sistem pendidikan politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menawarkan pelbagai bidang diploma, diploma lanjutan, dan ijazah dalam pelbagai bidang pengajian. Antaranya ialah kejuruteraan awam, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan perkapalan, teknologi maklumat, perakaunan, pentadbiran perniagaan, dan sebagainya. Oleh itu, menjadi satu nilai tambah kepada PCPI mengetahui bidang yang diambil pelajar dan seterusnya memberikan penerapan Islam dalam bidang tersebut. Hal ini berdasarkan kata-kata PC yang ditemu bual, iaitu: *“saya selalu sebut pada pelajar saya pada kelas pertama saya, walau apa pun bidang yang kamu ambik, pastikan kalau kamu, kamu jadi engineer, jadi engineer yang bertakwa. Macam mana dengan subjek mekanikal kamuni, kamu kenal Allah, hebatnya bendatu berputar, berjalan, siapa yang menggerakkan? Sebenarnya Allah...”*.

Perkara ini juga telah dicadangkan oleh Mastor Surat, Mohammad Fauzi Mohd Zain, Nurakmal Gog, Mazlan Tahir, dan Zabidi Hamzah (2007) untuk disepadukan konsep pendidikan Islam dengan program pendidikan lain bagi menghasilkan modal insan yang dihasratkan. Selain itu, elemen pengetahuan psikologi juga merupakan elemen pengetahuan penting bagi PC. Pengetahuan ini termasuklah mendengar luahan pelajar, mengawal situasi, serta mampu menasihati secara berkesan. Pernyataan ini boleh dilihat melalui kata-kata PC tentang pelajarnya, *“sebenarnya kita kena bagi tau dia, awak kena masuk pertandinganni, awak boleh buat, saya nampak awak ada bakat”*. Maka, pengetahuan psikologi ini amat bermanfaat diterapkan ketika menjalankan P&P untuk membantu setiap pendidik memahami serta berupaya mengendalikan pelajar sesuai dengan kadar intelektualan dan persediaan psikologi mereka (Abdurrahman an-Nahlawi, 1995).

Akhir sekali dalam dapatan kajian rintis yang dijalankan, pengkaji mendapati PC mempunyai pengetahuan isu semasa. Pengetahuan isu semasa yang dimiliki adalah isu terkini umum dan isu terkini umat Islam. Menurut Rafiuddin Afkari Abdul Fattah et al. (2013), konsep Pengajian Islam itu meliputi pelbagai isu-isu semasa dan kontemporer seperti isu murtad, seks luar nikah, aurat menurut Islam, penyalahgunaan dadah, ajaran sesat, penceraian, kes buang bayi, isu Syiah, isu negara-negara Islam seperti Mesir, Syria, Lubnan, dan lain-lainnya. Justeru, hal ini menjadi elemen pengetahuan yang disebut oleh PC dalam kata-katanya, *“isu semasa, maknanya sebelum pi kelastu, kita ada facebook sekarangni senangdah, handphone kita ada internet semua, sepantas lalu sebelum masuk ke kelas, baca tajuk-tajuk utama”*.

## IMPLIKASI DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian, pengkaji menghasilkan satu model yang dinamakan Model Elemen Pengetahuan dalam dan luar P&P Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral di politeknik. Model ini digambarkan sebagaimana dalam Rajah 1.



**Rajah 1.** Model Elemen Pengetahuan dalam dan luar P&P Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral.

Berdasarkan Rajah 1, kesemua elemen pengetahuan yang disenaraikan boleh diamalkan dalam dan luar P&P bagi Pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral di politeknik. Namun, pensyarah perlu menggunakan pengetahuan ini dengan bijak dan sebaiknya mengikut kepada kesesuaian diri mereka.

## KESIMPULAN

Dalam kajian kes ini pengkaji telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan serta perbincangan tentang elemen pengetahuan yang dimiliki oleh Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral di politeknik. Hasil pola dapatan kajian berjaya menghasilkan Model Elemen Pengetahuan dalam dan luar P&P Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral yang terdapat dalam implikasi kajian ini. Justeru, Pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral di politeknik perlu mengambil perhatian agar menyiapkan diri dengan menguasai pengetahuan-pengetahuan yang sesuai agar dapat melahirkan kefahaman yang tinggi dalam kalangan pelajar seterusnya menghayati serta diamalkan ilmu yang mereka perolehi.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Abdull Sukor Shaari (2010). *Guru berkesan: Petua dan panduan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abdurrahman an-Nahlawi. (1995). *Ushulut tarbiyah Islamiyah wa asalibihā fil Baiti wa al-Madrasati wa al-Mujtama*. (*Pendidikan Islam di Rumah Sekolah dan Masyarakat*) (Trj. oleh Shihabuddin). Jakarta: Gema Insani Press.
- Ahmad Munawar Ismail, & Zakaria Stapa. (2011). Strategi pembelajaran penuntut aliran Pengajian Islam dan hubungannya dalam memenuhi tuntutan pasaran. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2), 2011 21-30.

Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. (t.t.). *Ihya 'Ulum al-Din*, Jld. 1-5. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyah.

Ananda Kumar Palaniappan. (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia.

Arifin Mamat, Muhamad Zahiri Awang Mat, Md. Yusnan Yusof, Nik Ahmad Hisham Ismail, Mohd Noor Hussin & Mujaini Tarimin. (2011). Tahap profesionalisme guru-guru Agama Sekolah Rendah Agama - Jabatan Agama Islam Selangor: Satu kajian tentang sikap guru. *Proceeding International Conference And Exhibition On Research In Islamic And Arabic Language Education 2011 (ICERIALE 2011)*, 26-28 September 2011. Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah (hh. 149-164).

Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli, & Mazeni Ismail. (2010). Stres dalam kalangan guru sekolah menengah di empat buah negeri di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 25, 103-136.

Bernama (2014, Mei 23). 3 Politeknik terima akreditasi APACC. Bernama. Dimuat turun daripada <http://politeknik.gov.my/webjpp2/index.php?pg=&sub=beritapenuh&id=613>

Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Boston, MA: Pearson.

Fatimah Saleh, & Lim Chap Sam. (2010). Analisis data kualitatif. Dlm. Noraini Idris (Ed.), *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.

Gary, T. (2009). *How to do your research project: A guide for students in Education and Applied Social Sciences*. London: Sage.

Ismail Abas. (2007). Peranan Guru Membina Murid Menghadapi Wawasan 2020. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Islam, Selangor*, 10.

Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi. (2009). *Hala tuju transformasi politeknik ke arah kelestarian penghasilan modal insan negara*. Seri Kembangan: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: Satu kajian kes*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Kane, Ruth, Sandretto, Susan, & Heath, C. (2004). An investigation into excellent tertiary teaching: Emphasising reflective practice. *Higher Education*, 47, 283-310.

Khadijah Abdul Razak, & Tengku Norhayati Tengku Othman. (2011). Profesionalisme Guru Pendidikan Islam: Konsep dan amalan. *Proceeding International Conference and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education 2011 (ICERIALE 2011)*. 26-28 September 2011. Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah, (hh. 453-462).

Kleickmann, T., Richter, D., Kunter, M., Elsner, J., Besser, M., Krauss, S., & Baumert, J. (2013). Teacher's content knowledge and pedagogical content knowledge: The role of structural differences in teacher education. *Journal of Teacher Education*, 64(1), 90-106.

König, J., Blömeke, Sigrid, Paine, Lynn, Schmidt, W. H., & Hsieh, Feng-Jui. (2011). General pedagogical knowledge of future Middle School teachers: On the complex ecology of teacher education in the United States, Germany, and Taiwan. *Journal of Teacher Education*, 62(2), 188-201.

Mastor Surat, Mohammad Fauzi Mohd Zain, Nurakmal Gog, Mazlan Tahir, & Zabidi Hamzah. (2007). Penerapan Konsep Pendidikan Islam dalam Program Pengajian Alam Bina. *Prosiding Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina 2007* (hh. 26-48). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Sahandri Gani Hamzah, Ramli Basri, & Shaffe Mohd Daud. (2010). *Karakter guru ilmu diagung guru disanjung*. Kuala Lumpur: Utusan.

Napisah Humni, Salehudin Sabar, Mahadi Khalid, & Mohamed Razi Mohd. Suradi (2004). Perlaksanaan ibadah solat fardhu di kalangan guru pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, 5.

Nor Raudah Hj Siren, & Ab Aziz Mohd Zin. (2007). *Analisis Kurikulum Pengajian Dakwah di Malaysia*. Dalam Mohd Fauzi Hamat, Joni Tamkin Borhan & Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengajian Islam Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia* (hh. 135-150). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia.

Nur Hafizoh Idris, & Rohana Hamzah. (2013). Nilai profesionalisme bakal guru berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi*, 60, 31-37.

Rafiuddin Afkari Abdul Fattah, Md Akbal Abdullah, Halimi M. Khalid, Shakila Ahmad, Khaeruddin, & Siti Marfuah. (2013, Oktober 22). Aplikasi teknologi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek pengajian islam berasaskan masalah (PBL): Suatu perkongsian, analisa dan aspek cabaran semasa di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Proceeding of Seminar on Islam, Science and Technology (SIST 2013)*, Yogyakarta, Indonesia (hh. 1-13).

Rafizah Abdul Razak, & Siti Zarina Syed Nordin. (2013, Januari). Projek Pembangunan Perisian Multimedia: Strategi Pengajaran Yang Membentuk Keperibadian Guru Pelatih. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik (JUKU)*, 1(1).

Rafizah Mohamed Salleh. (2011). *Model Guru Contoh Pendidikan Islam*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Rohana Hamzah. (2010). *Mengenali manusia asas pembangunan pendidikan berkualiti*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Rohani Arbaa, Hazri Jamil, & Nordin Abd Razak. (2010). Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar: Adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan pembelajaran antara jantina pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 61-69.

Sabitha Marican. (2009). *Penyelidikan Sains Sosial pendekatan pragmatik*. Kuala Lumpur: Edusystem.

Saedah Siraj, & Mohammed Sani Ibrahim. (2012, Oktober 7-9). Standard Kompetensi Guru Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012*, Johor Bahru (hh. 1-44).

Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip, & Mohd Shahril, Sarimah Mokhtar, Ab. Halim Tamuri, ... Muhammad Mursyid Mohd Kashfi (2012, Jun 1-2). Kajian Pengaruh Amalan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. *Proceeding of International Conference On Research In Islamic And Arabic Language Education 2012 (ICRIALE 2012)*, Elaf Kinda Hotel, Mecca, Saudi Arabia (hh. 419-432).

Siti Zohara Yassin. (2006). Cabaran guru sandaran terlatih di sekolah. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 7.

Wan Bakar Wan Dagang. (1991). *Reformasi pendidikan Islam di sekolah: Matlamat dan harapan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Islam.

Wood, L. N., & Harding, A. (2007, October 15). Can you show you are a good lecturer? *International Journal of Mathematical Education in Science and Technology*, 38(7), 939-947.

Yahya Othman, & Wan Mat Sulaiman. (2011). Budaya dan strategi membaca dalam pembentukan karakter guru di Brunei Darussalam. *Jurnal Sosiohumanika*, 4(2), 301-313.